# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025 TINGKATAN 5 — 5227/1

**PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**
**Kertas 1**
**Peraturan Pemarkahan**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Panitia Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah JPN MELAKA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan. Sebarang maklumat di dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Bahagian A**

| No. Soalan | Peraturan Pemarkahan |
|---|---|
| 1 | مد بدل |
| 2 | مد عوض |
| 3 | دڠوڠ 2 حركت |
| 4 | ڤنجڠ 6 حركت |
| 5 | قلقلة صغرى |
| 6 | وقف اختباري |
| 7 | راء ترقيق |
| 8 | وصل |
| 9 | تقليد |
| 10 | محاسبه ديري |
| 11 | علمو رسم القران |
| 12 | حديث نبوي |
| 13 | راوي |
| 14 | سكالي ݢوس |
| 15 | برلبيه-لبيهن |
| 16 | دوسا بسر |
| 17 | الدراية |
| 18 | متواتر معنوي |
| 19 | الإثم / الفساد/ العصيان |
| 20 | توتور كات يڠ سوڤن/ مانيس موك |


5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT

**Bahagian B**

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Intisari ayat:<br>1. Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya menjauhi orang yang mempermainkan agama akerana mereka terpedaya dengan kehidupan dunia.<br>2. Allah SWT menyatakan golongan.<br>yang mempermainkan agama akan dihumban ke neraka dengan diberi minum air<br>yang mendidih.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua contoh perkara yang termasuk dalam kategori mempersendakan agama.<br>1. Melakukan penafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu.<br>2. Menghina wanita yang memakai tudung.<br>3. Menganggap undang-undang jenayah syariah hanya sesuai dengan masyarakat Arab.<br>4. Menyambut hari raya dengan hidangan arak.<br>5. Menganggap semua agama di dunia adalah sama<br>6. Melakukan perkara maksiat secara terbuka tanpa rasa malu dan takut.<br>7. Mengiktiraf wanita sebagai imam solat kepada jemaah lelaki.<br>8. Menganggap bahawa Islam mengongkong golongan wanita.<br>9. Mengatakan kepada seseorang yang mengamalkan sunnah Rasulullah sebagai seorang yang ketinggalan zaman dan kolot.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Masyarakat boleh memainkan peranan untuk memelihara kesucian Agama Islam daripada dipersenda ialah<br><table><tr><td>Isi</td><td>Melaporkan sebarang penghinaan agama kepada pihak berkuasa dengan hikmah.</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>agar pihak berkenaan dikenakan tindakan undang-undang.</td></tr><tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya, maruah agama dapat dipelihara.</td></tr></table></td><td>6 isi x 1m = 6m</td></tr>
</table>


5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT

| | |
|---|---|
| Dalil | مَنْ رَأى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ |
| Huraian dalil | Hadis di atas menjelaskan tentang tuntutan mencegah kemungkaran dengan lisan.. |
| Rumusan | Kesimpulannya, masyarakat mestilah sensitif terhadap perbuatan mempersenda agama agar Islam dipandang tinggi. |

| NO. SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (b) | (i) | **SATU intisari ayat:**<br><br>1. Allah SWT menjelaskan tentang hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah laku zina iaitu 100 kali sebatan.<br>2. Allah menjelaskan tentang pengharaman zina. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Pengertian zina ialah:**<br>Persetubuhan haram antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (iii) | **DUA usaha yang boleh dilakukan oleh pihak berwajib dalam menangani gejala zina dalam masyarakat ialah:**<br><br>1. Menguatkuasakan undang-undang terhadap pesalah zina dan pembuangan bayi agar mereka takut melakukan perbuatan tersebut.<br>2. Menyekat akses ke laman sesawang pornografi supaya mereka terhindar daripada perbuatan yang mendekatkan diri kearah zina.<br>3. Mengadakan kempen-kempen kesedaran kesan negatif jenayah seks bebas seperti bahaya penyakit AIDS dan siflis.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iv) | **SATU pengajaran daripada ayat di atas ialah:**<br><br>1. Kita perlu menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan kerana boleh mendorong kepada zina.<br>2. Umat Islam hendaklah menjauhi zina kerana perbuatan tersebut haram dan berdosa besar.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 1 isi x 2m<br>= 2m |

| NO. SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | **SATU intisari hadis ialah:**<br>1. Rasulullah menjelaskan bahawa Allah menghilangkan ilmu daripada hamba-hambanya dengan mematikan para Ulama'.<br>2. Rasulullah menyatakan manusia akan menjadikan orang jahil sebagai rujukan apabila ketiadaan Ulama'.<br>3. Rasulullah menjelaskan orang jahil yang mentadbir urusan agama, akan memimpin manusia ke arah kesesatan. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **EMPAT ciri-ciri Ulama' ialah:**<br>1. Beribadah dengan penuh khusyuk dan ikhlas.<br>2. Sentiasa bersyukur kepada Allah atas ilmunya.<br>3. Berjalan atas muka bumi tanpa riya' dan bongkak.<br>4. Berusaha mendekatkan diri dengan masyarakat setempat.<br>5. Menyampaikan ilmu mereka tanpa batasan kaum dan warna kulit.<br>6. Tidak menggunakan kemuliaan untuk kepentingan peribadi.<br>7. Tidak mengeluarkan fatwa membelakangkan ulamak besar<br>8. Sentiasa berakhlak terpuji.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **DUA tindakan untuk memuliakan ulama' sebagai pewaris para nabi ialah:**<br>1. Melantik ulama' dalam majlis penasihat kepimpinan negara yang menjadi rujukan utama dalam sesebuah institusi.<br>2. Menerbitkan karya penulisan Ulama' sebagai usaha menghargai ilmu mereka.<br>3. Memberi ruang yang khas untuk Ulama' di media massa supaya masyarakat dapat memanfaatkan ilmu yang dicurahkan.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 2 isi x 2m = 4m |

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Intisari hadis:<br>Rasullulah menjelaskan seorang lelaki berbuat baik terhadap isteri adalah sebaik-baik manusia.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Satu kepentingan memiliki iman yang sempurna ialah:<br>1. Dapat menjadi perisai dan benting /bagi seseorang muslim melakukan kemungkaran.<br>2. Menjadi pra syarat kepada penerimaan amalan solleh di sisi Allah<br>3. Dapat menjadi pemangkin dan pendorong semangat suka berkorban kerana Allah menjanjikan ganjaran yang besar.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Perkaitan dalam membentuk keluarga sakinah ialah:
<table>
<tr><td>Isi</td><td>Suami perlu melayani pasangan dengan cara yang baik.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>seperti bertanggungjawab dan bertolak ansur antara satu sama lain.</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya,hubungan kekeluargaan menjadi harmoni..</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>وَخِيَارُكُمْ خِيَارُكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا</td></tr>
<tr><td>Huraian dalil</td><td>Dalil menjelaskan manusia yang terbaik adalah yang berbuat baik kepada isteri.</td></tr>
<tr><td>Rumusan</td><td>Kesimpulannya, suami perlulah menunjukkan akhlak yang baik kepada ahli keluarga agar kehidupan bahagia.</td></tr>
</table>
Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>6 isi x 1m<br>= 6m</td></tr>
</table>


**5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT**

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Pengertian Tafsir Bil Ma’thur:<br><br>Tafsir yang bersandarkan kepada riwayat yang sahih, iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadis atau dengan riwayat sahabat atau sesuatu yang dikatakan oleh tabi’in besar.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Metodologi penulisan kitab Tafsir al-Azhar:<br><br>1. Pentafsiran ayat al-Quran dengan menggabungkan tafsir bil ma’thur dan tafsir bir ra’yi.<br>2. Pentafsiran ayat al-Quran menggunakan metodologi sejarah, antropologi dan sosiologi sebagai sumber pentafsiran.<br>3. Pentafsiran ayat al-Quran mengikut corak al-Adabi al-Ijtima’i kerana corak tersebut menjelaskan petunjuk-petunjuk ayat ayat al-Quran yang berkait langsung dengan kehidupan masyarakat serta usaha bagi menangani masalah masyarakat dengan bahasa yang mudah.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kesan kepada masyarakat sekiranya bidang Ulumul Quran diabaikan dalam proses mencintai al-Quran:<br><br>
<table>
<tr><td>Isi</td><td>Pemahaman al-Quran akan menjadi dangkal dan terdedah kepada kesilapan tafsiran.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Hal ini kerana tanpa bidang-bidang dalam Ulumul Quran, umat Islam mungkin tersalah faham maksud sebenar ayat atau tidak mampu membezakan antara hukum yang masih berlaku dan yang telah dimansukhkan.</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya masyarakat akan berdepan dengan k keadaan yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan, fahaman melampau atau pengaruh ideologi asing yang bertentangan dengan syariat Islam.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>وَأَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلذِّكۡرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ</td></tr>
<tr><td>Huraian dalil</td><td>Dalil ini menegaskan bahawa al-Quran perlu dijelaskan dengan ilmu yang hanya dapat dilakukan jika bidang-bidang Ulumul Quran difahami dan diamalkan oleh umat Islam.</td></tr>
<tr><td>Rumusan</td><td>penting bagi setiap individu Muslim mempelajari dan menghayatinya bagi</td></tr>
</table></td><td>6 isi x 1m<br>= 6m</td></tr>
</table>


**5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | memastikan kefahaman yang sahih dan pengamalan yang betul.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | |
| | (b) | (i) | **DUA ciri hadis Qudsi:**<br>1. Makna dari daripada Allah SWT dan lafaz daripada Rasulullah SAW.<br>2. Dinisbahkan kepada Rasulullah SAW dengan lafaz:<br>قال رسول الله فيما يرويه عن ربه...<br>3. Diriwayatkan secara mutawatir dan Aahad.<br>4. Sabit secara qat'i dan zhonni.<br>5. Tidak mempunyai ciri mukjizat.<br>6. Boleh disentuh dalam keadaan berhadas. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Hujah menolak dakwaan orientalis bahawa hadis Rasulullah SAW adalah rekaan semata-mata:**<br>Penemuan bukti bahawa hadis sebahagian besarnya telah dicatat semasa Rasulullah SAW masih hidup melalui penemuan sahifah beberapa sahabat dan tabi'in yang tercatat hadis di dalamnya. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | **Pengertian AL-HAFIZ:**<br>Ulama' hadis yang menghafaz lebih 100 ribu hadis.. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iv) | **Pengajaran yang boleh diambil dari pengorbanan ulama' hadis dalam menyusun ilmu hadis:**<br>1. Gigih memelihara hadis dengan menghafaznya melalui tulisan atau ingatan.<br>2. Sentiasa mengkaji status hadis untuk mendapatkan ajaran Islam yang sebenar.<br>3. Menuntut ilmu dengan tokoh ilmuan dari pelbagai negeri walaupun jauh.<br>4. Memilih guru yang bertakwa dan mempunyai disiplin ilmu yang tinggi dalam penyampaiannya. | 2 isi x 2m = 4m |

| NO. SOALAN | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | **Maksud مراقبه dari segi istilah:**<br><br>keupayaan diri untuk sentiasa merasakan diri diawasi dan diperhatikan Allah. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | **Cara yang diamalkan oleh setiap muslim untuk mencapai tahap ihsan dalam kehidupan dari aspek ibadah:**<br><br>1. Mentaati perintah dan larangan Allah dengan ikhlas dalam setiap perbuatan.<br>2. Sentiasa merasakan nikmat beribadah yang mendorong seseorang mengharap kepada Allah.<br>3. Berusaha untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah tanpa mengharapkan yang lain.<br>4. Istiqamah mengerjakan ibadah sama ada kewajipan fardu ain atau fardu kifayah.<br>**** Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 1 isi x 2m = 2m |
| | (b) | (i) | **Dua contoh dosa besar yang sering dilakukan oleh umat Islam:**<br><br>1. Syirik<br>2. Sihir<br>3. Membunuh<br>4. Makan harta anak yatim<br>5. Makan riba<br>6. Lari ketika peperangan<br>7. Tuduh wanita mukmin melakukan zina<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua usaha yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk membantu mereka meningkatkan pahala:**<br><br>1. Mengadakan program mengimarahkan masjid agar mesyarakat terdorong melakukan ibadah.<br>2. Sentiasa mengeratkan silatur rahim dalam masyarakat agar tiada masalah dapat diketahui dan diambil tindakan secara bersama.<br><br>***Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.*** | 2 isi x 2 m = 4m |
| | ( c ) | ( i ) | **Pengertian adab bergaul dalam Islam:**<br>Berinteraksi sesama manusia yang menepati atau menjaga adab dan batasan yang ditetapkan oleh syarak. | 1 isi x 2m = 2m |


**5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT**

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Dua tanggungjawab menjaga pergaulan yang berlainan jantina:<br>1. Menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan<br>2. Memakai pakaian yang menutup aurat / merangsang syahwat<br>3. Lelaki dan perempuan tidak boleh berdua-duan di tempat yang sunyi.<br>4. Bergaul hanya apabila perlu<br>5. Berbicara dengan tutur kata terjaga daripada menyebut perkara tidak berfaedah. negatif dan lucah.<br>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>2 isi x 1m<br>= 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(d)</td>
<td>(i)</td>
<td>Cadangan langkah yang boleh diambil oleh remaja muslim untuk bersedia memikul tanggungjawab tersebut:
<table>
<tr><td>Isi</td><td>Remaja boleh membantu komuniti setempat dalam pengurusan jenazah kawasan setempat</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Hal ini mampu memberi kesedaran kepada remaja tentang teori dan praktikal cara-cara mengafankan jenazah apabila diperlukan.</td></tr>
<tr><td>Huraian lengkap</td><td>Kesannya jika remaja mahir, mereka tidak akan keliru dan mampu menjalankan fardu kifayah dalam masyarakat apabila berlaku kematian.</td></tr>
<tr><td>Dalil</td><td>وتعاونوا على البر والتقوى</td></tr>
<tr><td>Huraian dalil</td><td>Dalil ini menjelaskan bahawa galakan saling bantu membantu melahirkan manusia yang bertaqwa dalam urusan akhirat.</td></tr>
<tr><td>Rumusan</td><td>Oleh itu, remaja perlulah diberi pendedahan tentang pengurusan jenazah untuk menjalankan fardu kifayah dalam masyarakat apabila berlaku kematian.</td></tr>
</table>
Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td>
<td>6 isi x 1m<br>= 6 m</td>
</tr>
</table>


5227/1 © 2025 Panitia PQS JPN MelakaSULIT